

# PERMOHONAN BIASISWA IPT (LEPASAN STPM) YAYASAN PAHANG TAHUN 2023

BIASISWA IPT YAYASAN PAHANG (LEPASAN STPM) ini diwujudkan bagi memberi peluang akses pendidikan yang sama rata kepada pelajar-pelajar anak Pahang yang kurang berkemampuan dan sebagai motivasi kepada pelajar lepasan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) yang cemerlang meliputi elaun sara hidup bagi meringankan beban kos pengajian pelajar. Melalui biasiswa ini, ianya dapat membantu meningkatkan modal insan dalam Negeri Pahang.

Kerajaan Negeri Pahang melalui Yayasan Pahang (YP) mempelawa calon-calon yang berkelayakan untuk memohon Biasiswa IPT Yayasan Pahang (Lepasan STPM) bagi melanjutkan pengajian di Institusi-institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) sahaja di dalam negara yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia dan yang DILULUSKAN OLEH YP seperti berikut :-

**TARIKH PERMOHONAN**  
**08 SEPTEMBER 2023 • JUMAAT**

**TARIKH TUTUP PERMOHONAN**  
**29 SEPTEMBER 2023 • JUMAAT**

## • KELAYAKAN MEMOHON •

1. Anak Negeri Pahang Darul Makmur seperti takrif berikut:
  - a. Pemohon atau bapa atau ibu dilahirkan di Negeri Pahang Darul Makmur; ATAU
  - b. Jika pemohon serta ibu dan bapa lahir di luar Pahang dan telah bermastautin lebih dari sepuluh (10) tahun dan berhasrat untuk terus menetap di Negeri Pahang Darul Makmur, perlu mengemukakan surat pengesahan tempoh bermastautin daripada Penghulu Mukim.
  - c. Bagi pemohon yang ibubapanya bukan warganegara Malaysia adalah Tidak Layak Memohon.
2. Pemohon mestilah memiliki kelulusan STPM Tahun 2022 dengan memperolehi keputusan 4A ATAU 3A (A/A-).
3. Tergolong dalam keluarga kumpulan B40 dan M40.
  - B40 - Pendapatan isi rumah keluarga RM4,850/bulan dan ke bawah.
  - M40 - Pendapatan isi rumah keluarga antara RM4,851-RM10,970/bulan.
4. Pemohon mestilah telah menerima surat tawaran bagi mengikuti pengajian ijazah Sarjana Muda di IPTA sahaja dalam negara secara sepenuh masa.
5. Mempunyai taraf kesihatan dan sahsiah yang baik.



## KADAR PENAJAAN

# Elaun Sara Hidup RM3,000 setahun

## • CARA MEMOHON •

Permohonan boleh dibuat **secara atas talian serta dokumen-dokumen yang berkaitan perlu dimuatnaik** di laman sesawang Yayasan Pahang [www.yp.org.my](http://www.yp.org.my) dengan memilih **ikon BISPEN ATAU** di pautan

[sispen.yp.org.my/bispen](http://sispen.yp.org.my/bispen)

sebelum atau pada **29 SEPTEMBER 2023 (JUMAAT)**

Borang permohonan **WAJIB** dicetak dan ditandatangani oleh pemohon dan seterusnya diemailkan kepada [pinjaman@yp.org.my](mailto:pinjaman@yp.org.my)

Salinan kad pengenalan, surat beranak dan slip gaji pemohon, ibu dan bapa perlu dibuat palang dengan menulis **"UNTUK KEGUNAAN YP SAHAJA"** sebelum dimuatnaik agar tidak disalahgunakan.

**SEBARANG PERTANYAAN DAN KETERANGAN LANJUT, SILA BERHUBUNG TERUS KE:**

### YAYASAN PAHANG

Kompleks Yayasan Pahang, Tanjung Lumpur  
26060 Kuantan, Pahang Darul Makmur  
Tel: 09-5181800 Faks: 09-5181888

**Puan Zakiah ([zakiah@yp.org.my](mailto:zakiah@yp.org.my))/Puan Noorasziana ([noorasziana@yp.org.my](mailto:noorasziana@yp.org.my))**

**Laman Web : [www.yp.org.my](http://www.yp.org.my) Email : [ypahang@yp.org.my](mailto:ypahang@yp.org.my)**



**Yayasan Pahang**

MEMARTABATKAN MASYARAKAT